

20/04/1997

Hospital baru tidak guna kertas

KUALA LUMPUR: Konsep hospital tanpa kertas yang membabitkan penggunaan komputer dan elektronik, akan diperkenalkan di semua hospital baru kerajaan selaras dengan era teknologi maklumat (IT).

Sebagai permulaan, Hospital Selayang akan menjadi hospital pertama melaksanakan konsep itu apabila beroperasi sebelum Sukan Komanwel, tahun depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Datuk M Mahalingam, berkata konsep itu akan diperluaskan ke Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur sebelum dilaksanakan sepenuhnya di hospital baru lain serta hospital daerah secara berperingkat.

Menurutnya, pengenalan sistem berkomputer dan elektronik di hospital baru itu selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang inginkan bidang perubatan di negara ini turut terbabit dalam IT.

Menurutnya, dengan pengenalan sistem berkomputer dan elektronik itu, seseorang pesakit dan doktor tidak perlu melalui pelbagai peringkat pemeriksaan sebelum sesuatu keputusan diketahui.

Selain itu, katanya, semua dokumen yang berkaitan dengan jururawat juga akan dilakukan oleh komputer, manakala doktor hanya bertindak sebagai penyelia.

"Bagi membolehkan jururawat dan doktor mahir dengan pengendalian sistem berkomputer itu, kementerian akan memberi latihan bagi memastikan kakitangan terbabit sudah bersedia sekurang-kurangnya enam bulan sebelum hospital baru itu mula beroperasi," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas pelancaran Hompej Mengenai Kemurungan anjuran Persatuan Psikiatri Malaysia, Mahalingam berkata, sebuah jabatan di Hospital Johor Bahru sedang mencuba sistem terbaru ini.

Melalui sistem itu, segala data yang membabitkan pesakit, termasuk tekanan darah serta perkembangan terbaru kesihatan mereka akan dimasukkan ke dalam kerangka utama.

Mengenai kekurangan tenaga kerja perubatan di negara ini, Mahalingam berkata kerajaan akan membawa masuk sekurang-kurangnya 400 doktor dan pakar psikiatri dari Pakistan, Bangladesh, India serta Myanmar, menjelang Jun ini.

Mereka yang ditawarkan pekerjaan di negara ini akan mengikat kontrak selama enam tahun sebagai langkah jangka pendek kerajaan mengatasi masalah itu.

Sehingga Disember tahun lalu, Malaysia hanya mempunyai 91 pakar psikiatri dengan 70 orang berkhidmat dengan kerajaan dan bakinya, swasta. Ratio psikiatri dan penduduk di negara ini pula ialah 1:200,000.

"Sebagai jangka panjang, kerajaan menggalakkan doktor muda supaya memasuki bidang psikiatri di samping memperkenalkan cuti belajar bagi mereka mengikuti kursus sarjana," kata Mahalingam.

Menurutnya, kerajaan juga akan membina sebuah hospital baru sakit jiwa yang mempunyai 350 katil di Sungai Buloh bagi menampung pesakit, selain hospital mental sedia ada.

Menjelaskan pelancaran hompej itu, Mahalingam berkata, pengenalnya akan dapat membantu orang ramai yang inginkan pengetahuan, fakta serta angka membabitkan penyakit berkenaan.

Menurutnya, kira-kira 5 peratus atau kira-kira 100,000 penduduk negara ini menghadapi masalah kemurungan serius yang memerlukan rawatan.

Mereka yang berminat untuk mengetahui penyakit ini boleh menggunakan  
jaring: <http://www.2mws.com.my/psychiatry/>.

(END)